

# Karnival kutip dana bantu si miskin

**G**EORGETOWN: Lebih 1,000 dijangka mengunjungi karnival besar-besaran anjuran Persatuan Kebajikan Ivory Pulau Pinang pada 15 November ini bertempat di ruang legar Plaza Penang Times Square, Jalan Datuk Keramat, di sini.

Penganjuran karnival itu bertujuan mengutip dana yang sebahagiannya akan disumbangkan kepada program Rakan Anti Kemiskinan (RAK) bagi membantu rakyat negeri ini yang masih berada di bawah garis kemiskinan tegar dengan pendapatan purata bawah RM500 sebulan.

Sebahagian lagi kutipan hasil karnival itu akan disumbangkan kepada persatuan itu untuk menjalankan kegiatan kebajikan kepada golongan kurang berkemampuan sepanjang tahun ini.



**PRIHATIN...Phee (empat dari kiri) bersama penganjur Karnival Ivory di Penang Times Square, semalam.**

Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan, Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar negeri, Phee Boon Poh, berkata pelbagai acara menarik menanti pengunjung termasuk komitmen kira-kira 50 gerai mewakili Gabungan Persatuan Penjaja Pulau Pinang dan Seberang Prai yang menyedia-

kan pelbagai hidangan enak tanpa menggunakan bekas polisterina.

“Sempena acara itu, Ivory Properties Group turut menyumbangkan RM2,000 nilai harga tiket untuk diagihkan kepada 200 ahli keluarga bagi menjamu selera sambil berhibur,” katanya dalam sidang akhbar, semalam.